

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
26 NOVEMBER 2021**

PERKARA : 4(A)15

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

15. Berapakah jumlah kes kematian akibat COVID-19 di Negeri Pulau Pinang sehingga 15 November 2021?
- (a) Berapakah jumlah keluarga yang dikategorikan B40 yang terlibat?
 - (b) Apakah ada inisiatif khas untuk golongan ini?
 - (c) Bolehkah Kerajaan Negeri membuat satu mekanisme tetap untuk memantau golongan ini?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Jumlah kes kematian akibat COVID-19 di Negeri Pulau Pinang sehingga 23 November 2021 adalah sebanyak 1,642 kes.
- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data kes kematian COVID-19 yang melibatkan keluarga B40. Jumlah kanak-kanak yang kehilangan ibu atau bapa akibat COVID-19 di Pulau Pinang ialah seramai 299 orang melibatkan seramai 224 kanak-kanak berbangsa Melayu, 47 kanak-kanak

berbangsa Cina, 24 kanak-kanak berbangsa India dan 4 kanak-kanak berbangsa lain-lain. Senarai kanak-kanak terlibat mengikut daerah dan kaum adalah seperti di **LAMPIRAN A** (yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas sesi Soalan Lisan) dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (sehingga 23 November 2021).

(b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi membantu keluarga yang terlibat:

(i) Membuat siasatan ke atas keperluan keluarga yang terlibat terutamanya keperluan kanak-kanak dalam keluarga tersebut. Berdasarkan rekod JKM, tiada kanak-kanak yang kehilangan ibu atau bapa akibat COVID-19 dimasukkan ke institusi kebajikan. Hal ini kerana semua kanak-kanak yang terlibat adalah di bawah jagaan keluarga ataupun saudara terdekat;

- (ii) Menghubungi keluarga yang terlibat bagi menawarkan khidmat Kauselor Jabatan kepada keluarga yang memerlukan;
- (iii) Memberikan bantuan bakul makanan kepada keluarga yang terkesan; dan
- (iv) Memberikan borang permohonan bantuan dan mengesyorkan skim bantuan yang boleh dimohon mengikut kelayakan.

EXCO Kesihatan

Pada 22 November 2021, majlis serahan COVID-19 *relief fund* RM111,000.00 untuk bantu 111 pelajar B40 anak yatim yang kehilangan ibu atau bapa akibat jangkitan COVID-19 dari 21 sekolah telah diusahakan oleh YB. Exco bersama Puan Leena, President Lions Club Bayan Baru untuk mengumpul dana bagi membantu pelajar-pelajar anak yatim dimana setiap pelajar diberi sumbangan sebanyak RM1,000.00 seorang.

Selain daripada itu, *special task force* di bawah MMK Kesihatan untuk membincangkan isu-isu anak yatim akibat jangkitan COVID-19.

- (c) Kerajaan Negeri telah melancarkan PgCare Alliance pada 11 Ogos 2021 dengan usaha sama 18 agensi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha mempercepatkan bantuan kepada individu yang terjejas oleh krisis COVID-19 dengan mewujudkan satu infrastruktur dalam perhubungan bantuan, sokongan dan penyelesaian masalah-masalah sosial semasa bencana. Satu talian panggilan 24 jam melalui nombor telefon 04-6427777 telah diwujudkan untuk pertanyaan orang awam berkenaan bantuan dan sokongan mental. Permintaan bantuan daripada segi bekalan makanan yang diterima melalui kempen 'bendera putih' (*white flag*) atau panggilan talian PgCare Alliance akan dipanjangkan ke Pusat Khidmat Kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri (KADUN) masing-masing. Sejurus itu, bekalan makanan akan disampaikan kepada individu berkaitan melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) di mana setiap daerah mempunyai satu (1) jawatankuasa kecil bagi

urusan bekalan dan pemantauan pesakit COVID-19 yang menjalani kuarantine kendiri di rumah. Selain itu, pasukan talian PgCare Alliance dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Persatuan D'Home juga membuat pemantauan secara berjadual melalui panggilan telefon kepada pesakit-pesakit dan keluarga pesakit bagi mendapatkan status semasa dan keperluan mereka.

LAMPIRAN A

JUMLAH MURID KEMATIAN IBU BAPA, IBU ATAU BAPA AKIBAT COVID-19 DI PULAU PINANG

BIL.	DAERAH	JUMLAH MURID	SEK. REN	SEK. MEN	SEK. AGAMA	KEMATIAN WARIS				BANGSA			
						BAPA	IBU	PENJAGA	IBU BAPA	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN
1	TIMUR LAUT	95	44	51	0	64	29	2	0	63	20	10	2
2	SEBERANG PERAI UTARA	47	23	22	2	28	16	3	0	37	10	0	0
3	SEBERANG PERAI TENGAH	84	39	43	2	56	23	1	4	66	10	8	0
4	SEBERANG PERAI SELATAN	32	13	18	1	22	10	0	0	22	7	3	0
5	BARAT DAYA	41	23	18	0	24	17	0	0	36	0	3	2
JUMLAH KESELURUHAN		299	142 (47.4%)	152 (50.8%)	5 (1.7%)	299				224 (74.9%)	47 (15.7%)	24 (8.0%)	4 (1.3%)

Sumber: JPNPP